

07 AUG 2000

KENG YAIK-MSM/I

KENG YAIK CADANG TAMBAH BILANGAN PENGEKSPOORT MSM TANPA CUKAI

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata Malaysia sedang menimbangkan untuk menambah bilangan pengeksport minyak sawit mentah (MSM) tanpa cukai tahun ini.

Katanya beliau telah menulis kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin untuk meluluskan jumlah MSM dan memberikan kuasa kepadanya (Lim) menentukan bilangan syarikat yang akan diberikan konsesi mengeksport tanpa dikenakan duti.

Tahun lepas, Malaysia melantik empat syarikat untuk mengeksport 400,000 tonne MSM tanpa duti sebagai strategi untuk mengurangkan stok di negara ini yang telah merendahkan harga minyak sawit.

Keempat-empat syarikat itu gagal memenuhi sasaran 400,000 tonne yang dicadangkannya untuk dieksport menjelang akhir tahun lepas, kata Lim kepada pemberita selepas upacara perasmian Kongres Sedunia Kesatuan Antarabangsa bagi Pertubuhan Perhutanan (IUFRO) ke-21, di sini.

Beliau mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di upacara itu.

Lim juga berkata Malaysia perlu menghalusi dasarnya mengenai cukai eksport MSM. Jika tidak, ia mungkin kerugian habuan pasaran globalnya.

Malaysia, pengeluar terbesar minyak sawit, menghasilkan 10.5 juta tonne MSM pada 1999.

Pengeluaran MSM pada lima bulan pertama tahun ini telah melebihi jumlah yang dikeluarkan pada tempoh yang sama tahun lepas sebanyak 150,000 tonne.

Pada Jan-Jun 2000, harga minyak sawit berlegar di sekitar RM1,050 kepada RM1,200 setonne berbanding RM1,473 setonne pada 1999.

-- BERNAMA

MAD JR MA